

AL-QARĀ'IN MENURUT HĀTIM AL-AWNĪ: KAJIAN TERHADAP METODOLOGI DAN APLIKASI DALAM MUQARRAR AL-TAKHRĪJ

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidiⁱ

ⁱ(Corresponding author). Calon PhD, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: dzuldzulraidi@gmail.com

ABSTRAK

Perselisihan dalam penentuan status hadith dalam wacana kritik hadith disebabkan perbezaan aliran dalam kalangan tokoh-tokoh hadith. Antara polemik utama yang berlaku adalah berkenaan metodologi kritik hadith yang digunakan. *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn* (IMM) muncul sebagai sebuah aliran baru dalam wacana ini dan seorang daripada tokoh aliran ini ialah Hātim al-ʿAwnī ada membahaskan isu *al-qarā'in* dalam kritik hadith. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran Hātim al-Awnī terhadap perbincangan *al-qarā'in* berdasarkan karya beliau *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth*. Kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap metodologi IMM, tetapi juga menyediakan asas untuk kajian lanjut tentang aplikasi *al-qarā'in* dalam wacana kritik hadith, yang mana ia berpotensi mempengaruhi metodologi kritik hadith yang digunakan oleh pengkaji kontemporari. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif berdasarkan analisis dokumentasi sebagai pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis data. Kajian ini mendapati Hātim al-ʿAwnī telah membincangkan mengenai metodologi dan aplikasi *al-qarā'in* dalam beberapa topik perbincangan iaitu penentuan perawi muḥmal, pensabitan sama' perawi dan penentuan riwayat tadlīs perawi. Hasilnya, kajian menyenaraikan setiap bentuk *al-qarā'in* yang dikeluarkan oleh Hātim al-Awnī serta menganalisisnya. Justifikasinya, kajian ini mencadangkan sebuah kajian lanjutan bagi mengenal pasti konsep *qarā'in* melalui pemikiran tokoh aliran lain. Selain itu, sebuah kajian aplikasi *al-qarā'in* dalam kalangan ulama terdahulu terutamanya para pengkritik hadith *mutaqaddimīn* dapat dijalankan bagi mengetahui praktikaliti perbahasan ini ketika zaman periwayatan hadith bersanad masih berjalan.

Kata-kata kunci: *al-qarā'in*; Hātim al-ʿAwnī; Kritik Hadith; *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn* (IMM); *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth*

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Perbahasan mengenai metodologi kritik hadith telah melalui evolusi yang kompleks, terutama dalam menentukan status dan kredibiliti perawi (Dzulfaidhi Hakimie et al., 2024). Perbezaan dalam pendekatan metodologi ini sering mencetuskan polemik, terutamanya apabila ia melibatkan aspek yang sangat teknikal seperti penentuan *sama'* perawi, identifikasi perawi *muḥmal*, dan penilaian terhadap perawi *mudallis*. Menurut Fārūq Ḥamādah (2007) dan

Maḥmūd Sa'īd Mamdūh (2009), dua aliran utama, iaitu aliran Sufi dan Salafi, telah memperkenalkan metodologi tersendiri dalam isu kritik hadith. Namun, Umar Muhammad Noor (2022) menambah satu lagi dimensi perbahasan dengan memperkenalkan aliran *Ihyā' Manhaj al-Mutaqaddimīn* (IMM), yang bertujuan menghidupkan semula pendekatan sarjana hadith klasik dalam kritik hadith.

Keunikan setiap aliran terletak pada perbezaan dalam pendekatan metodologi dan analisis terhadap hadith. Ini seterusnya melahirkan pelbagai pandangan yang kadang kala bertentangan dalam menentukan status hadith (Umar Muhammad Noor, 2017). Salah satu isu utama yang menjadi titik tolak perselisihan ini ialah pensabitan *samā'* (penerimaan hadith secara langsung oleh perawi). Ketiga-tiga aliran bersetuju bahawa bukti *samā'* adalah kunci kepada kebersambungan sanad, namun perbezaan berlaku dalam cara menilai sama ada perawi benar-benar mendengar hadith tersebut atau tidak. Perselisihan ini selalunya berlaku apabila pakar hadith berbeza pendapat berdasarkan *qarā'in al-tarjīh* (indikator penilaian) yang digunakan untuk menyokong atau menafikan sama' tersebut. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengkaji bagaimana *qarā'in* ini digunakan dalam pensabitan *samā'*, terutama oleh Hātim al-'Awnī, yang merupakan salah seorang tokoh utama dalam aliran IMM dan yang aktif dalam memperkenalkan pembaharuan dalam ilmu hadith (Khoirul Huda & Reza Fadil, 2023).

Selain isu *sama'*, cabaran lain yang sering timbul dalam kajian sanad ialah perawi *muhmal*, iaitu perawi yang identitinya tidak jelas (Ibn Hajar al-'Asqallānī, 2000). Kesamaran ini sering terjadi apabila beberapa perawi berkongsi nama yang sama tanpa ada keterangan tambahan untuk membezakan mereka. Masalah ini menimbulkan kesulitan dalam menentukan keadilan atau kecacatan perawi, yang seterusnya mempengaruhi status hadith yang diriwayatkan (Muhammad bin Turkī, 2010). Dalam hal ini, Hātim al-'Awnī telah menawarkan pendekatan *qarā'in al-tarjīh* sebagai alat untuk membezakan antara perawi-perawi *muhmal*. Konsep ini membantu dalam mengesahkan identiti perawi dengan lebih tepat, yang seterusnya menyumbang kepada penilaian hadith yang lebih teliti.

Satu lagi isu yang mendapat perhatian dalam kajian ini ialah perawi *mudallis*, iaitu perawi yang menggunakan teknik *tadlis* untuk menyembunyikan kelemahan dalam sanad. Perawi *mudallis* sering kali menyembunyikan perawi lemah dalam sanad dengan tidak menyebutkan nama mereka, yang seterusnya menjejaskan keaslian hadith (Mohd Nor Adli Osman & Rozaima Ramli, 2018). Dalam karyanya *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Ḥukm 'alā al-Ḥadīth*, Hātim al-'Awnī membahaskan peranan *qarā'in* dalam mengenalpasti *tadlis*, dan bagaimana *qarā'in* ini digunakan untuk menilai sama ada periwayatan oleh perawi *mudallis* boleh diterima atau tidak. Kajian ini akan meneliti secara mendalam bagaimana *qarā'in* ini diaplikasikan oleh Hātim al-'Awnī dalam menilai riwayat-riwayat *mudallis*.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk memahami konsep *qarā'in* sebagaimana yang dibahaskan oleh Hātim al-'Awnī, serta mengkaji aplikasinya dalam tiga isu penting dalam kritik hadith: pensabitan *samā'*, perawi *muhmal*, dan perawi *mudallis*. Dengan memahami kaedah yang diperkenalkan oleh al-'Awnī, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan signifikan kepada pengembangan metodologi kritik hadith, khususnya dalam kalangan sarjana hadith kontemporari. Keperluan kajian ini adalah jelas—penentuan status hadith yang lebih

tepat dan komprehensif memerlukan kaedah yang sistematik dan rasional, yang mampu menangani kesulitan dalam menentukan sanad serta kedudukan perawi. Dalam konteks ini, *qarā'in al-tarjīh* memainkan peranan penting sebagai alat bantu yang dapat meningkatkan ketepatan dan kredibiliti penilaian terhadap hadith.

Biografi Hātim al-Awnī

Hātim bin 'Ārif bin Nāṣir al-'Awnī adalah seorang sarjana hadith kontemporari yang berasal dari keturunan al-Ḥasaniyyīn, iaitu dari jalur keturunan al-Ḥasan bin 'Alī bin Abī Ṭālib. Beliau dilahirkan pada 19 Rejab 1385 Hijrah (1966 Masihi) di Ṭā'if, Arab Saudi, dan dibesarkan di sana. Pendidikan awalnya bermula di sekolah-sekolah kerajaan, dari peringkat rendah hingga menengah, sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Umm al-Qurā' di Mekah.

Pada tahun 1404 Hijrah, beliau memasuki Universiti Umm al-Qurā', memilih pengkhususan dalam Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah di bawah Kuliah *Uṣūl al-Dīn*. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1408 Hijrah, sebelum meneruskan pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang yang sama, masing-masing pada tahun 1415 Hijrah dan 1421 Hijrah. Kini, beliau adalah seorang Profesor di Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti Umm al-Qurā', yang memfokuskan kepada kajian hadith dan ilmu al-Sunnah (M. Khoirul Huda dan Muhammad Reza Fadil, 2023).

Minat Hātim al-'Awnī terhadap ilmu hadith mula berkembang sejak usia 13 tahun, ketika beliau mula membaca karya-karya Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, seorang tokoh yang sangat berpengaruh dalam bidang hadith di dunia Islam moden. Karya-karya al-Albānī memainkan peranan penting dalam menanam kecintaan beliau terhadap ilmu Sunnah. Pada usia 19 tahun, beliau turut menyertai kelas pengajian musim panas bersama 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥmān di Ṭā'if, di samping mendengar ratusan rakaman pengajian al-Albānī, yang menjadi satu sumber pembelajaran utama bagi beliau. Ini memperkukuh asas beliau dalam ilmu hadith (Mawqī' Sharīf Hātim al-'Awnī, 2023).

Di samping itu, beliau juga terlibat dalam pengajian bersama Muqbil al-Wādi'ī, seorang ulama besar dalam bidang *muṣṭalah al-ḥadīth*, terutamanya melalui *syarah al-Bā'ith al-Ḥathīth* pada tahun 1406 Hijrah. Kombinasi daripada pengaruh kedua-dua tokoh ini, al-Albānī dan al-Wādi'ī, memberikan landasan kuat dalam pemikiran hadith Hātim al-'Awnī, yang kemudiannya melahirkan pendekatan tersendiri dalam kritik hadith.

Dari tahun 1404 Hijrah hingga 1414 Hijrah, Hātim al-'Awnī menumpukan sepenuh masa kepada pembelajaran dan penyelidikan. Beliau banyak membaca, mengumpul bahan, dan menghadiri kelas-kelas pengajian. Pada tempoh ini, beliau lebih suka menyendiri dengan ilmu, dan kurang bergaul dengan rakan-rakan, memberikan fokus penuh kepada pencarian ilmu. Pada tahun 1414 Hijrah, beliau mula membuka kelas-kelas pengajian untuk penuntut ilmu secara terhad, sebelum memulakan kelas-kelas pengajian yang lebih meluas pada tahun 1418 Hijrah, sambil tetap menyediakan masa untuk dirinya sendiri untuk terus belajar.

Hātim al-'Awnī telah memperoleh ijazah periwayatan hadith daripada sejumlah besar ilmunan terkemuka, sekitar 40 orang guru, termasuk tokoh-tokoh besar seperti Ibrāhīm bin

Muhammad bin al-Şiddiq al-Ghumārī, ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Qādir al-Anbārī al-Zabīdī, dan ‘Abd al-Qādir al-Arna’ūt. Sanad yang diperoleh daripada guru-guru ini memberikannya autoriti dalam periwayatan hadith serta memperkuat kedudukan beliau sebagai seorang sarjana hadith yang berwibawa (*Asmā’ Ba’ḍ Man Ajāzanī Min Al-Shuyūkh Murattabīn ‘Alā Hurūf Al-Mu’jam*, 2023).

Dalam kerjaya akademiknya, Hātim al-‘Awnī telah mentahkik dan menulis puluhan kitab yang meliputi pelbagai genre dalam bidang hadith. Antara karya penting beliau termasuk *Sharḥ al-Mūqīzah al-Dhahabī*, *Khulāṣah al-Ta’şīl li ‘Ilm al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*, *Naş’ih Manḥajīyyah li Ṭālib al-Sunnah al-Nabawīyyah*, dan *Muqarrar al-Takhrīj fī Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth*. Dalam *Muqarrar al-Takhrīj*, beliau mengupas konsep *qarā’in* dalam konteks *takhrīj* dan kajian hadith, memberikan sumbangan penting dalam memahami bagaimana *qarā’in* digunakan untuk menilai hadith dalam konteks moden (M. Khoirul Huda dan Muhammad Reza Fadil, 2023).

Karya Hātim al-Awnī: *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth*

Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth asalnya merupakan nota dan catatan daripada sebuah dawrah ilmiah yang disampaikan oleh Hātim al-‘Awnī pada tahun 1419 Hijrah mengenai ilmu *takhrīj al-ḥadīth* dan kajian sanad. Pengajian ini dirakamkan dan disalin semula oleh salah seorang muridnya, Wā’il bin Sulṭān al-Ḥārithī, sebelum diusahakan oleh Khālīd bin Khalaf al-Jūdī untuk diterbitkan dan disebar kepada umum. Nota-nota ini, yang pada awalnya berbentuk ringkas, kemudiannya menjadi rujukan penting dan digunakan sebagai silibus di beberapa institusi pendidikan tinggi Islam, menjadikannya salah satu karya penting dalam kajian *takhrīj* hadith (Hātim al-‘Awnī, 2018).

Selama beberapa dekad, nota-nota ini digunakan tanpa sebarang perubahan. Pada tahun 1438 Hijrah, Hātim al-‘Awnī menyemak semula kandungan asal, membuat pembetulan, dan menambah maklumat terkini yang lebih lengkap. Beliau juga menambah contoh-contoh dari pelbagai kitab hadith dan kitab perawi hadith, bertujuan untuk memperkenalkan lebih banyak sumber kepada pembaca. Edisi terbaru ini memberikan satu panduan yang lebih komprehensif dan praktikal dalam penulisan dan pembelajaran ilmu hadith, terutama dalam konteks *takhrīj* hadith.

Kitab ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama menumpukan kepada kajian *takhrīj al-ḥadīth*, yang meliputi definisi *takhrīj*, jenis-jenisnya, serta kaedah dan panduan praktikal untuk *mentakhrīj* hadith daripada sumber-sumber asal. Penjelasan tentang langkah-langkah ini bukan sahaja menyentuh aspek teori tetapi juga memaparkan contoh-contoh *takhrīj* yang terperinci. Bahagian kedua pula memberi fokus kepada *dirāsah al-asānīd wa al-mutūn* (kajian terhadap sanad dan matan), yang melibatkan langkah-langkah untuk menentukan status hadith, dari sudut kekuatan sanad dan keaslian matan.

Satu aspek yang menonjol dalam karya ini adalah pendekatan praktikal yang diterapkan oleh Hātim al-‘Awnī. Beliau bukan sahaja mengupas teori-teori *takhrīj*, tetapi juga menyediakan contoh-contoh nyata tentang bagaimana menilai hadith dari sudut sanad dan matan, serta menentukan hukumnya. Dalam konteks ini, Hātim al-‘Awnī turut memanfaatkan *qarā’in* (indikator) sebagai alat penting dalam menilai keaslian sesuatu hadith, terutamanya dalam situasi di mana sanad tidak jelas atau terdapat isu dalam identiti perawi. Penggunaan

qarā'in ini menjadikan kitab *Muqarrar al-Takhrīj* sebagai salah satu sumber penting dalam kajian kritikan hadith kontemporari.

Kesimpulannya, kitab ini bukan sahaja memberikan panduan dalam proses *takhrij al-hadīth*, tetapi juga menyediakan satu pendekatan menyeluruh dalam menentukan status hadith melalui penggunaan kaedah-kaedah moden dan tradisional. Karya ini menjadi rujukan penting bagi pelajar dan penyelidik yang ingin mendalami ilmu hadith dengan lebih mendalam dan sistematik.

KAJIAN LITERATUR / TOPIK 1

Kajian berkenaan pemikiran tokoh dalam topik tertentu seringkali mendapat perhatian para pengkaji hadith. Namun begitu, apabila carian dijalankan pada pengkalan data *Google Scholar* daripada tahun 2015 sehingga 2023, kesemua kajian lepas dilihat tidak menyentuh pemikiran Hātim al-Awnī dalam metodologi dan aplikasi *al-qarā'in*. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Rumusan Literatur dalam Topik Pemikiran Hātim al-Awnī

No.	Tajuk	Penulis	Tahun	Objektif Kajian
1.	Reasoning of Takfirism Assumption: Review of Critical Views of Hatim Al Awni	Ahmad Muhdhor	2017	Membincangkan isu takfiri dengan memfokuskan pemikiran Hātim al-Awnī.
2.	Post-Salafism: Salman Al-Ouda and Hatim Al-Awni	Christopher Pooya Razavian	2021	Membahaskan mengenai penulisan dua tokoh salafi iaitu Salman al-Ouda dan Hātim al-Awnī.
3.	Rasionalisasi Kritik Hadis Klasik: Kontribusi Syarif Hātim Al-'Aunī Dalam Kajian Hadis Kontemporer	Khoirul Huda dan Reza Fadil	2023	Membahaskan kontribusi Hātim al-Awnī dalam lapangan hadith.
4.	Konsep Dan Bentuk Qarā'in Al-Tarjīh Dalam Pensabitan Samā': Kajian Terhadap Muqarrar Al-Takhrīj Karya Hātim Al'awnī	Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi et. al.	2024	Membahaskan bentuk qarā'in dalam pensabitan samā' oleh Hātim al-Awnī.

Hasil analisis mendapati terdapat keperluan bagi penyelidikan ini dijalankan bertujuan mengisi jurang dalam kajian lepas seterusnya membuka cabang perbincangan hadith yang baru.

METODOLOGI KAJIAN / TOPIK 2

Kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif, yang mana pendekatan ini dianggap paling sesuai dalam memahami secara mendalam sesuatu isu kompleks seperti konsep *qarā'in al-*

tarjīh dalam pensabitan *samāʿ*, pengenalan perawi *muhmal*, serta penilaian terhadap perawi *mudallis* (Mohd Awang Idris et. al., 2018). Pendekatan kualitatif membolehkan analisis yang terperinci terhadap idea-idea dan aplikasi *qarāʿin* sebagaimana yang dibahaskan oleh Hātim al-ʿAwnī, terutamanya dalam karyanya *Muqarrar al-Takhrīj fī Manhaj al-Hukm ʿalā al-Hadīth*. Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan. Metode ini melibatkan pengumpulan dan analisis sumber-sumber primer dan sekunder yang relevan dalam membincangkan konsep *qarāʿin al-tarjīh* serta praktikalitinya dalam kalangan sarjana hadith. Sumber-sumber primer termasuklah kitab-kitab tulisan Hātim al-ʿAwnī, khususnya *Muqarrar al-Takhrīj*, manakala sumber-sumber sekunder terdiri daripada karya sarjana hadith lain yang membincangkan konsep *qarāʿin*. Kajian ini juga menggunakan bahan-bahan daripada perpustakaan fizikal dan digital, artikel jurnal akademik, tesis dan disertasi yang relevan, serta buku dalam format PDF dan sumber dari perpustakaan digital seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*. Pengumpulan data ini bertujuan memastikan kajian ini memperoleh perspektif yang holistik mengenai perkembangan dan aplikasi *qarāʿin al-tarjīh*, serta peranan konsep tersebut dalam kritik hadith kontemporari.

Bagi analisis data, kajian ini menggunakan metode analisis kandungan. Melalui metode ini, kajian akan mengenal pasti dan menganalisis konsep *qarāʿin al-tarjīh* sebagaimana yang dibahaskan oleh sarjana klasik dan kontemporari, termasuk Hātim al-ʿAwnī. Analisis ini bertujuan mengenal pasti definisi dan penggunaan *qarāʿin al-tarjīh* dalam konteks pensabitan *samāʿ*, pengenalan perawi *muhmal*, dan perawi *mudallis* berdasarkan pandangan para sarjana hadith. Seterusnya, ia akan menilai aplikasi praktikal *qarāʿin* dalam karya *Muqarrar al-Takhrīj* oleh Hātim al-ʿAwnī, terutamanya dalam bagaimana *qarāʿin* digunakan sebagai alat kritikal untuk menetapkan status hadith dan perawi. Kajian ini juga akan melihat kesinambungan antara teori dan aplikasi *qarāʿin* dalam konteks perawi-perawi bermasalah seperti perawi *muhmal* dan *mudallis*, dalam usaha memahami pendekatan Hātim al-ʿAwnī secara lebih mendalam. Melalui analisis kandungan, kajian ini akan menghasilkan satu pemahaman yang mendalam tentang bagaimana *qarāʿin al-tarjīh* digunakan dalam kritik hadith serta implikasinya terhadap status sanad dan matan hadith. Analisis ini juga akan menunjukkan sejauh mana konsep-konsep ini relevan dalam konteks kritikan hadith moden dan bagaimana ia diterima oleh sarjana hadith hari ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN / TOPIK 3

Konsep Penentuan Status Perawi: Isu *Muhmal*, *Mudallis*, dan Pensabitan *Samāʿ*

Dalam kritikan hadith, penentuan status perawi memainkan peranan penting dalam menentukan kekuatan dan kesahihan sesebuah hadith (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Tiga isu utama yang sering menjadi perbincangan ialah *samāʿ*, perawi *muhmal*, dan perawi *mudallis*. Ketiga-tiga isu ini membabitkan persoalan mengenai kebersambungan sanad, identiti perawi, dan kejujuran dalam periwayatan hadith. Oleh itu, pemahaman yang mendalam terhadap setiap isu ini diperlukan untuk menilai keabsahan sanad. Justeru kajian membahaskan terlebih dahulu konsep ketiga-tiga topik ini secara ringkas.


Konsep Samā' Perawi

Samā' secara semantik berasal daripada kalimah sami'a (سَمِعَ) yang bermaksud mendengar atau pendengaran (Aḥmad Mukhtār 'Umar, 2008). Dari segi terminologi, *samā'* merujuk kepada satu bentuk *taḥammul al-ḥadīth*, iaitu penerimaan hadith melalui pendengaran langsung daripada guru. Menurut al-Suyūṭī (2016) dalam *Tadrīb al-Rāwī*, *samā'* berlaku apabila seorang guru menyampaikan hadith kepada murid-muridnya, sama ada melalui hafalan atau bacaan kitab, dan murid-murid mendengar serta mencatat apa yang disampaikan. *Samā'* dianggap sebagai salah satu kaedah *taḥammul* yang paling tinggi martabatnya dalam tradisi kritikan hadith kerana ia memastikan kebersambungan langsung antara guru dan murid.

Menurut pandangan majoriti sarjana hadith seperti al-Qāḍī 'Iyād, al-'Irāqī, dan Ibn al-Ṣalāḥ, *samā'* berada di kedudukan teratas dalam hierarki *taḥammul al-ḥadīth* kerana ia menawarkan ketepatan yang lebih tinggi dalam penyampaian hadith. Namun, kepentingan *samā'* bukan sahaja terletak pada penerimaan hadith, tetapi juga pada kebersambungan sanad antara perawi dan gurunya. Untuk memastikan kebersambungan ini, sarjana hadith sering merujuk kepada sumber-sumber biografi perawi seperti *Tahdhīb al-Kamāl* dan menggunakan *qarā'in* sebagai bukti tambahan untuk menentukan sama ada *samā'* itu benar-benar berlaku (Ibrāhīm bin 'Abd Allāh al-Lāḥim, 2005). Dalam sesetengah kes, sarjana hadith berbeza pendapat mengenai kebersambungan *samā'* berdasarkan bukti yang tersedia.

Selain itu, lafaz yang digunakan dalam sanad untuk menunjukkan *samā'* juga memainkan peranan penting dalam penentuan kekuatan riwayat. Al-Khaṭīb al-Baghdādī (1979) mengklasifikasikan tingkatan lafaz *samā'*, dengan lafaz سمعت berada pada martabat tertinggi, diikuti oleh حدثنا dan أخبرنا. Pemilihan lafaz-lafaz ini boleh memberikan isyarat kepada ahli hadith tentang cara hadith itu diterima oleh perawi, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, dalam penentuan status perawi, *samā'* menjadi salah satu aspek utama yang dibincangkan untuk memastikan keabsahan sanad. Rujuk jadual di bawah untuk kesimpulan perbincangan:

Jadual 2: Bentuk *Tahammul al-Hadīth*



(Rujukan: Analisis Pengkaji)

Konsep Perawi *Muhmal*

Perawi *muhmal* merujuk kepada dua atau lebih perawi yang tidak dapat dibezakan antara satu sama lain dalam sanad, kerana mereka berkongsi nama, kunyah, atau laqab yang sama. Dari segi bahasa, *ihmāl* bermaksud "meninggalkan" atau "tidak menyebut dengan jelas" (Mahmūd al-Ṭahhān, 2004). Secara istilah, *muhmal* merujuk kepada keadaan di mana identiti perawi tidak jelas kerana maklumat yang diberikan dalam sanad tidak mencukupi untuk membezakannya daripada perawi lain yang mempunyai nama atau gelaran yang sama. Contohnya, dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, riwayat daripada Aḥmad daripada Ibn Wahb tidak dapat memastikan sama ada Aḥmad yang dimaksudkan ialah Aḥmad bin Ṣālih atau Aḥmad bin 'Isā (Ibn Hajar al-'Asqalānī, 2000).

Kekeliruan ini boleh menimbulkan masalah dalam menilai keadilan dan hafalan perawi, yang merupakan syarat penting dalam penentuan status hadith. Sekiranya salah seorang perawi *muhmal* itu berstatus *da'if* manakala yang lain adalah *thiqah*, ini akan mempengaruhi status hadith secara keseluruhan. Oleh itu, sarjana hadith perlu menggunakan kaedah tambahan seperti rujukan kepada kitab biografi perawi untuk menentukan identiti perawi yang sebenarnya. Dalam beberapa kes, jika kedua-dua perawi yang tidak jelas identitinya adalah *thiqah*, isu ini tidak membawa kesan yang serius terhadap

status hadith, tetapi jika salah seorang daripadanya lemah, hadith tersebut akan dianggap lemah (Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, 2004).

Memandangkan pentingnya untuk mengenalpasti perawi *muhmal* dalam sanad, penggunaan *qarā'in* seperti kajian terhadap sejarah perawi dan kedudukan mereka dalam rantai sanad menjadi amat penting. Ini membolehkan sarjana hadith membuat keputusan yang lebih tepat mengenai kekuatan dan kesahihan sanad hadith yang mengandungi perawi *muhmal*.

Konsep Perawi *Mudallis*

Perawi *mudallis* pula ialah perawi yang menyembunyikan kelemahan dalam sanad dengan menggunakan teknik *tadlis* (helah), iaitu tidak menyebut nama perawi yang lemah dalam sanad atau membuat seolah-olah ada kesinambungan antara perawi yang sebenarnya tidak pernah bertemu (al-Zahabī, 1992). Dari segi bahasa, *tadlis* bermaksud "menyembunyikan" atau "menipu", manakala dari segi istilah hadith, *tadlis* adalah tindakan menyembunyikan fakta penting tentang rantai sanad yang boleh menjejaskan kebolehpercayaan riwayat (Muhammad bin Alawi, 2003).

Terdapat beberapa jenis *tadlis* yang sering dibincangkan oleh sarjana hadith, antaranya *tadlis al-isnād* dan *tadlis al-shuyūkh*. *Tadlis al-isnād* berlaku apabila perawi tidak menyebut dengan jelas perawi di tengah-tengah sanad, manakala *tadlis al-shuyūkh* berlaku apabila perawi menggunakan gelaran atau kunyah yang kurang dikenali untuk merujuk kepada gurunya, bagi mengelak daripada mengaitkan dirinya dengan perawi yang lemah (Dzul Dzulraidi, 2023). *Qarā'in* juga memainkan peranan penting dalam menilai sama ada *tadlis* telah berlaku dan bagaimana ia mempengaruhi kebersahan sanad. Perawi *mudallis* sering diragui dalam riwayat mereka, terutamanya apabila mereka tidak secara jelas menyatakan bahawa mereka mendengar hadith tersebut daripada guru mereka.

Dalam konteks *tadlis*, penilaian terhadap perawi ini memerlukan ketelitian dan penggunaan *qarā'in* yang mencukupi untuk memastikan sama ada hadith tersebut sahih atau tidak. Jika *tadlis* dapat dibuktikan, hadith tersebut mungkin dianggap lemah atau ditolak (Nasir al-Fahd, 2005).

Aplikasi *Qarā'in* dalam Penilaian Perawi: *Samā'*, *Muhmal*, dan *Mudallis* menurut Hātim al-ʿAwnī

Konsep *Qarā'in*: Definisi, Pembahagian dan Peranan

Qarā'in al-tarjīh terdiri daripada dua kata bahasa Arab iaitu *qarā'in* dan *tarjīh*. *Qarā'in* berasal daripada kata kerja *qarana*, yang bermaksud menghimpunkan sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan kekerasan (Ibn Fāris, 1979). Ia juga membawa maksud kebersamaan atau pertalian antara dua perkara (Ismā'il bin Ahmad, 1987). *Tarjīh*, pula, bermaksud memberikan keutamaan atau membuat pilihan terhadap sesuatu yang dianggap lebih kuat daripada yang lain. Oleh itu, *qarā'in al-tarjīh* merujuk kepada petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk memberikan keutamaan atau memilih antara dua riwayat yang saling bercanggahan dalam kritikan hadith.

Dari segi istilah, tiada definisi yang jelas dan formal pernah dikeluarkan oleh ahli hadith terdahulu mengenai *qarā'in*. Walaupun begitu, ahli hadith secara tidak langsung telah menggunakan konsep ini seperti "deria keenam" yang membantu mereka dalam menentukan kesahihan atau kelemahan sesuatu riwayat hadith (Sāmīr al-Kābīsī, 2021). Dalam disiplin yang lebih umum, Mustafa al-Zarqā' mendefinisikan *qarīnah* sebagai sesuatu petunjuk yang menjelaskan sesuatu yang tersembunyi sehingga menunjukkan kepada objektif yang dikehendaki (Hanān Qamāri, 2016). Ahmad Ma'bad pula mendefinisikan *qarīnah* sebagai tanda yang menunjukkan kepada hasil secara tidak langsung (Abdul Rahman, 2021), manakala Ayyub al-Husainī (2009) menambah bahawa *qarīnah* adalah sesuatu yang menjelaskan hasil tanpa disengajakan. Oleh yang demikian, *qarīnah* secara istilah boleh disimpulkan sebagai petunjuk yang muncul secara tidak langsung dan membantu menjelaskan objektif atau hasil kajian dalam sesuatu analisis. Rujuk rajah di bawah untuk kesimpulan perbincangan:

Rajah 3: Definisi *al-Qarāin*

Bil.	Tokoh	Definisi
1.	Mustafa al-Zarqā'	Sesuatu petunjuk yang menjelaskan sesuatu yang tersembunyi sehingga menunjukkan objektif.
2.	Ahmad Ma'bad	Sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung
3.	Ayyub al-Husainī	Sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa disengajakan
Kesimpulan	Sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian	

Penggunaan *qarīnah* dalam syariat Islam mempunyai asas yang kukuh. Sebagai contoh, dalam al-Quran, Allah SWT menceritakan peristiwa ketika saudara-saudara Nabi Yūsuf AS berusaha memperdaya ayah mereka dengan menunjukkan baju Yūsuf yang dilumuri darah palsu sebagai bukti bahawa Yūsuf telah dibunuh oleh serigala. Namun, Nabi Ya'qūb AS tidak mempercayai mereka kerana tiada kesan gigitan serigala pada baju tersebut. Ini adalah contoh jelas bagaimana *qarīnah* digunakan untuk menolak dakwaan yang tidak benar berdasarkan petunjuk yang terdapat pada keadaan baju tersebut (Surah Yūsuf, 18). Menurut Al-Qurtubī (m. 671H), *qarīnah* yang ditunjukkan dalam situasi ini memberi petunjuk kepada kebenaran yang tersembunyi, sekaligus menunjukkan bahawa penggunaan *qarā'in* adalah konsep yang lama diterapkan dalam Islam.

Dalam konteks ilmu hadith, *qarīnah* menjadi penting dalam menentukan kesahihan atau kewujudan 'illah (kecacatan tersembunyi) dalam sesuatu hadith. Abd Qādir Muhammad (2018) menyatakan bahawa *qarīnah* dalam hadith adalah tanda atau petunjuk yang menunjukkan kewujudan atau ketiadaan 'illah dalam riwayat atau perawi. Hātim al-'Awnī (2018) pula menjelaskan perbezaan antara *qarīnah* dan *dalīl*, di mana *dalīl* adalah bukti konkrit yang cukup untuk menetapkan sesuatu perkara secara langsung, manakala *qarīnah* memerlukan gabungan beberapa petunjuk untuk membuat kesimpulan. Sebagai contoh, dalam konteks jenayah, *dalīl* boleh diibaratkan sebagai pengakuan langsung oleh pelaku, manakala *qarīnah* adalah bukti

sokongan seperti motif yang memerlukan pengesahan dari pelbagai petunjuk lain untuk menyokong kesimpulan tersebut.

Berikut adalah ringkasan perbezaan antara *qarānah* dan *dalīl*:

Rajah 4: Perbezaan *Qarānah* dan *Dalīl*

Perbezaan <i>Qarānah</i> dan <i>Dalīl</i>	
<i>Qarānah</i>	<i>Dalīl</i>
Definisi: Tanda yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat	Definisi: Bukti yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat
Contoh: Periwiyatan secara bersendirian merupakan	Contoh: Pengakuan perawi bahawa dia tersilap merupakan bukti 'illah sesebuah hadith

Menurut Naurah Didān (t.t), *qarā'in* dalam hadith dibahagikan kepada dua kategori utama: *qarā'in al-tarjīh* dan *qarā'in al-ta'īl*. *Qarā'in al-tarjīh* adalah petunjuk yang digunakan untuk memilih antara dua riwayat yang bercanggahan, manakala *qarā'in al-ta'īl* adalah petunjuk yang digunakan untuk memilih antara riwayat-riwayat yang bermasalah. Kedua-dua jenis *qarā'in* ini sering digunakan dalam proses kritik hadith untuk menentukan riwayat yang paling kuat atau untuk mengenal pasti kelemahan tersembunyi dalam sanad hadith.

Selain dua kategori utama ini, Hanān Qamari (2016) menambah dua pecahan lain, iaitu *qarā'in al-jam'* dan *qarā'in daf' al-'illah*. *Qarā'in al-jam'* merujuk kepada petunjuk yang digunakan untuk menggabungkan dua riwayat yang kelihatan bercanggahan, manakala *qarā'in daf' al-'illah* adalah petunjuk yang digunakan untuk menghilangkan 'illah yang terdapat pada kedua-dua riwayat. Jadual berikut memberikan gambaran ringkas mengenai pembahagian *qarā'in* dalam ilmu hadith:

Jadual 5: Pembahagian *al-Qarā'in*

Bil.	Pembahagian	Definisi
1.	<i>Qarā'in al-Tarjīh</i>	Petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat yang bercanggahan
2.	<i>Qarā'in al-Ta'īl</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bermasalah
3.	<i>Qarā'in al-Jam'</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menerima kedua-dua riwayat
4.	<i>Qarā'in Daf' al-'Illah</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menghilangkan 'illah yang terdapat pada riwayat

Menurut 'Ādil al-Zuraqī (2004), *qarā'in al-tarjīh* dari segi kuantiti terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan limitasinya. Namun begitu, ia boleh dibahagikan kepada dua kelompok utama: *qarā'in 'ammah*, iaitu petunjuk-petunjuk yang sering digunakan oleh ahli hadith dan dianggap sebagai petunjuk umum; dan *qarā'in khāṣṣah*, yang merupakan petunjuk yang jarang digunakan dan memerlukan pemerhatian lebih mendalam.

Qarā'in al-tarjīh daripada sudut peranan atau penggunaannya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *qarā'in isnādiyyah* iaitu petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan sanad sama ada berkenaan sifat riwayat atau perbincangan keterputusan dan kebersambungan sanad. Bahagian kedua pula dinamakan *qarā'in matniyyah* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan matan atau teks hadith (Hanān Qamarī, 2016).

Antara perbincangan *qarā'in al-tarjīh* dalam skop sanad adalah menyentuh berkaitan ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl*. Al-Haitham Muhammad (2021) mendefinisikannya sebagai petunjuk-petunjuk berhubung perawi, tokoh al-jarḥ wa al-ta'dīl atau konteks ulasan terhadap perawi yang boleh digunakan untuk menguatkan salah satu pandangan sama ada kritikan atau pujian. Selain itu, *qarā'in al-tarjīh* juga digunakan bagi menyelesaikan isu *tadlīs* bagi perawi (Hātim al-Awnī, 2018). *Qarā'in al-tarjīh* diaplikasi untuk menyelesaikan masalah sama ada *tadlīs* yang dilakukan oleh perawi tersebut menyebabkan hadithnya tertolak dan tidak diterima. Begitu juga *qarā'in al-tarjīh* digunakan dalam isu pensabitan *samā'*. Menurut Majdi 'Atiyyah (2004) isu ini berlaku apabila perawi diperselisihkan status *samā'* berbanding perawi lain. Hal ini demikian apabila sebahagian tokoh hadith silam menetapkan berlaku *samā'* antara kedua-dua perawi walhal sebahagian tokoh yang lain menafikannya. Justeru pemilihan pandangan dijalankan melalui pendekatan *qarā'in al-tarjīh*.

Justeru menurut Hātim al-'Awnī (2020) *qarā'in al-tarjīh* digunakan sebagai salah satu metode untuk menyelesaikan masalah ini sekaligus memilih salah satu pandangan yang dikemukakan. Dalam konteks kajian ini, konsep *qarā'in al-tarjīh* memainkan peranan yang penting dalam penentuan status perawi, terutamanya dalam tiga isu utama yang dibincangkan: pensabitan *samā'*, perawi *muhmal*, dan perawi *mudallis*. Hātim al-'Awnī menggunakan *qarā'in* ini sebagai alat untuk menilai kebersambungan sanad dan kebolehpercayaan perawi, terutamanya dalam kes-kes di mana terdapat percanggahan atau keraguan terhadap riwayat yang disampaikan. Oleh itu, kajian ini akan membahas secara mendalam bagaimana *qarā'in al-tarjīh* diaplikasikan oleh Hātim al-'Awnī dalam menilai status perawi dan menetapkan keabsahan riwayat, khususnya dalam konteks tiga isu kritikal ini.

Aplikasi *al-Qarā'in* oleh Hātim al-Awnī dalam *Muqarrar al-Takhrīj*

Kaedah untuk menentukan identiti seseorang perawi hadith dihuraikan secara terperinci dalam kitab *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Ḥukm 'alā al-Ḥadīth* oleh Hātim al-Awnī di bawah subtopik dalam bab *Tarjamah al-Ruwāḥ*. Penulis membahaskan kesemua topik iaitu pensabitan *sama'*, perawi *muhmal* dan *mudallis* dalam topik penentuan status perawi.

Bagi perbahasan pensabitan sama', menurut Ḥatim al-ʿAwnī (2018) apabila terjadi perbezaan pandangan antara ilmuwan ḥadīth silam berkaitan *samā'* seseorang perawi maka kajian lanjut perlu dijalankan dengan melakukan penelitian terhadap dalil-dalil dan *qarīnahnya*. Justeru beliau menyenaraikan lima perkara yang perlu diteliti oleh para pengkaji. Pertama, para pengkaji perlu menghimpunkan kesemua pandangan para ilmuwan *al-jarh wa al-ta'dīl* berkenaan isu *samā'* perawi tersebut. Begitu juga para pengkaji perlu mendapatkan maklumat yang jelas dan terperinci mengenai biografi perawi sama ada berkaitan sejarah kembara ilmu, senarai guru-guru dan anak murid. Kedua, Ḥatim al-ʿAwnī (2018) mengatakan aspek *ḍimniy* perlu diteliti dalam penentuan status *samā'* seseorang perawi. Umar Muhammad Noor (2022) mendefinisikan *ḍimniy* sebagai penetapan secara tersirat berkenaan perawi. Justeru hal ini dapat diaplikasi pada isu *samā'*. Sebagai contoh, sekiranya terdapat sanad kedua-dua perawi yang dikaji telah dinilai sahih oleh al-Bukhārī dan Muslim. Justeru hal ini membuktikan *samā'* telah berlaku.

Ketiga, penelitian terhadap peletakkan aspek sezaman (*al-mu'āṣarah*) yang mencukupi untuk mensabitkan *samā'*. Perkara ini dapat diketahui dengan melakukan kajian terhadap tahun lahir dan wafat kedua-dua perawi yang dikaji.

Keempat, para pengkaji perlu berusaha mengumpulkan sebanyak mungkin riwayat daripada kedua-dua perawi yang sedang dikaji. Perhatian yang sedalamnya perlu diberikan kepada lafaz-lafaz ṭahammul yang digunakan oleh perawi pada setiap sanad. Oleh itu, antara kitab terpenting yang dapat digunakan sebagai rujukan ialah kitab-kitab *al-Aṭrāf*. Hal ini berikutan kitab tersebut mengkhususkan perbincangan mengenai *samā'* di kalangan para perawi.

Kelima, para pengkaji perlu melihat kepada *qarā'in al-tarjīh* dalam mensabitkan *samā'*. Hal ini berikutan ada kemungkinan terdapat petunjuk-petunjuk yang membuktikan bahawa *samā'* telah berlaku. Senarai bagi *qarā'in* tersebut dapat dirujuk daripada jadual dibawah:

Jadual 6: Senarai *qarā'in al-tarjīh* dalam mensabitkan atau menafikan *samā'*

Bil.	<i>Qarīnah</i> Pensabitan <i>Samā'</i>
1.	<i>Ṭūl al-Mu'āṣarah</i>
2.	<i>ʿAdm Zikr al-Wasā'it</i>
3.	<i>Ittiḥād al-Balad / Qurb Balad al-Rāwīyayn</i>
4.	<i>ʿAdm al-Nakārah fī al-Ḥadīth</i>
5.	<i>Kathrah Ḥadīth al-Rāwī ʿan al-Shaykh</i>
6.	<i>Quwwah al-Ṣilah bayna al-Rāwī wa al-Shaykh</i>

(Sumber: Ḥatim al-ʿAwnī, 2018)

Qarīnah pertama berkaitan dengan tempoh sezaman antara dua perawi. Jika tempoh mereka hidup bersama lama, ini menjadi petunjuk bahawa *samā'* mungkin berlaku. Namun,


jika tempohnya singkat, seperti seorang perawi yang masih kecil atau belum mencapai umur *tamyīz*, maka tiada *samāʿ* disabitkan. *Qarīnah* kedua merujuk kepada sama ada perawi menyebutkan gurunya secara langsung. Jika nama guru disebut, ini menunjukkan *samāʿ* berlaku; sebaliknya jika tidak, ia menunjukkan tiada *samāʿ*. *Qarīnah* ketiga iaitu *ittiḥād al-balad*, merujuk kepada perawi yang tinggal dalam wilayah yang sama atau berdekatan memberi petunjuk bahawa *samāʿ* mungkin berlaku. Jika wilayah mereka jauh, ini menafikan *samāʿ*.

Qarīnah keempat melihat kepada konsistensi perawi dalam meriwayatkan hadith secara tepat. Perawi yang dikenali konsisten memberi petunjuk bahawa *samāʿ* berlaku. *Qarīnah* kelima berkaitan jumlah riwayat antara dua perawi. Jika riwayat antara mereka sedikit, ini menandakan tiada *samāʿ*, terutamanya jika salah seorang perawi terkenal dengan banyak periwayatan. *Qarīnah* keenam menilai kekuatan hubungan antara murid dan guru. Hubungan yang rapat, seperti antara ayah dan anak, menjadi petunjuk kuat bahawa *samāʿ* berlaku, manakala ketiadaan hubungan rapat menunjukkan sebaliknya. Penelitian terhadap keenam-enam *qarīnah* ini membantu pengkaji dalam menentukan *samāʿ* perawi.

Manakala dalam konteks perawi yang digelar *rāwī muḥmal*, Ḥatīm al-Awnī menggariskan tiga *qarīnah* utama dalam menyelesaikan masalah ini iaitu *Ittiḥād al-Balad* (kesamaan tempat tinggal), *al-Muʿāṣarah* (kehidupan sezaman), dan perawi *muḥmal* yang terkenal mempunyai banyak riwayat daripada perawi tertentu (*shaykh muʿayyan*).

Bahagian pertama berkisar tentang *Ittiḥād al-Balad*, yang bermaksud tinggal dalam wilayah yang sama. Ini merujuk kepada situasi di mana perawi yang tidak dikenali (*muḥmal*) meriwayatkan daripada seorang perawi lain yang juga tinggal dalam wilayah yang sama. Ḥatīm al-Awnī memberi contoh seorang perawi *muḥmal* yang meriwayatkan daripada seorang penduduk Makkah atau seorang guru yang merupakan penduduk Makkah (Makkī), dan murid yang meriwayatkan daripada perawi *muḥmal* tersebut juga seorang Makkī. Berdasarkan *Ghalabah al-Ḍan* (sangkaan kuat), boleh diandaikan bahawa perawi *muḥmal* ini juga seorang Makkī. Oleh itu, pencarian identiti perawi akan difokuskan kepada senarai nama perawi yang tinggal di Makkah (*ruwāḥ al-Makkīyyīn*). Al-Khaṭīb al-Baghdādī (1989) menyokong konsep ini dengan merujuk kepada kenyataan Salamah bin al-Marwazī yang menyatakan bahawa sebutan nama ʿAbd Allāh merujuk kepada individu yang berbeza bergantung kepada wilayah mereka. Contohnya, di Makkah, ʿAbd Allāh merujuk kepada Ibn ʿAbbās, di Madinah kepada Ibn ʿUmar, di Kūfah kepada Ibn Masʿūd, dan di Khurasān kepada Ibn al-Mubārak.

Rajah 7: Penentuan Perawi Bernama ‘Abd Allāh Berdasarkan Wilayah Tertentu




Bil.	Wilayah	Perawi
1.	Makkah	Ibn ‘Abbās
2.	Al-Madīnah	Ibn ‘Umar
3.	Al-Kūfah	Ibn Mas‘ūd
4.	Khurasān	Ibn al-Mubārak

Qarīnah seterusnya berkaitan dengan *al-Mu‘āṣarah*, yang bermaksud perawi hidup sezaman. Keberadaan perawi yang hidup dalam tempoh yang sama kadangkala menjadi dalīl *qāṭi‘* (bukti pasti), terutama apabila perbezaan antara dua perawi tidak dapat dipastikan (Ḥatīm al-‘Awnī, 2018). Sebagai contoh, dua perawi bernama Sufyān bin al-Ḥusayn yang sukar dibezakan. Walaupun begitu, salah seorang daripada mereka dapat disahkan sebagai hidup sezaman dengan guru yang meriwayatkan hadith kepadanya, berbanding perawi yang seorang lagi. Dalam hal ini, perawi yang mendengar secara langsung disebut sebagai *Muṣirrah bi al-Samā‘* (perawi yang jelas mendengar). Oleh itu, sesuatu sanad tidak dapat diterima melainkan setelah dipastikan melalui kaedah *al-Mu‘āṣarah*.

Pembuktian ini dapat dilihat dalam saringan riwayat yang dilakukan oleh Ibn al-Jawzi terhadap rantai sanad yang melibatkan Yaḥyā bin ‘Abdullāh bin Bukayr daripada al-Layth, daripada Nāfi‘, daripada Ibn ‘Umar, daripada Rasulullah SAW, di mana al-Layth yang dimaksudkan di sini ialah al-Layth bin Sa‘d. Perawi lain bernama Layth bin Abī Sulaym juga meriwayatkan daripada Nāfi‘. Namun, hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Bukayr, Sa‘īd bin Abī Maryam, Muḥammad bin Rumḥ, Abū Ṣāliḥ ‘Abdullāh bin Ṣāliḥ, ‘Isā bin Ḥammād Zughbah, Ibn Wahb, dan Qutaybah daripada al-Layth pastinya adalah daripada al-Layth bin Sa‘d, kerana mereka tidak sezaman dengan Layth bin Abī Sulaym, yang hidup lebih awal daripada mereka.

Rajah 8: Sanad al-Layth bin Sa'd dan Layth bin Abi Sulaym



Qarīnah terakhir berwacanakan identifikasi perawi *muhmal* berpandukan kompilasi riwayat terbanyak daripada guru yang terentu. Mata inti dari hal ini adalah adakalanya seseorang perawi *muhmal* dapat dikenal pasti melihat kepada rekod riwayat yang banyak diambil daripada seseorang shaykh. Sebagai contohnya, ketika 'Abd Allāh bin al-Zubayr al-Ḥumaydī mengatakan "*ḥaddathanā* Sufyān" sudah tentu dimaksudkan adalah Sufyān bin 'Uyaynah kerana al-Ḥumaydī dicatatkan sebagai antara penyimpan sejumlah besar riwayat daripada beliau. Tidak kurang juga al-Bayhaqī saat menyebutkan "*ḥadathanā* Abū 'Abd Allāh" maka ia ditujukan kepada al-Ḥakīm dengan alasan yang sama. Malah menurut Ibn Hajar al-'Asqalanī (2013), perawi *muhmal* hanya membawa kepada seseorang yang menjadi samar mempunyai *ikhtiṣāṣ*. Yang dimaksudkan adalah seseorang yang mempunyai pengkhususan riwayat yang banyak berbanding yang lain. Dengan demikian, Ḥatim al-'Awnī menghidangkan beberapa bentuk pilihan yang boleh diguna pakai dalam menentukan *al-mukhtaṣṣin bi al-shuyūkh* melalui kitab *ṭabaqāt al-ruwāh* daripada shaykh *mu'ayyan* ataupun bab-bab tertentu yang disematkan dalam kitab-kitab tersebut. Malah menelusuri teks para 'ulamā' yang tersemam dalam perlbagai tempat dalam kutub al-tarājim tersebut. Senarai cadangan kitab adalah seperti berikut:

Jadual 9: Cadangan Pemilihan Kitab *al-Ṭabaqāt* dan *al-Tarājim*


Bil.	Pengarang	Wafat (H)	Judul Kitab
1.	'Uthmān bin Sa'īd al-Dārimī	280	Tārīkh 'Uthmān bin Sa'īd al-Dārimī 'an Yahyā bin Ma'īn
2.	Al-Nasā'ī	303	Al-Ṭabaqāt
3.	Ibn Bukayr	388	Su'ālāt Ibn Bukayr 'an al-Dāraqutnī
4.	Ibn Rajab al-Ḥanbalī	795	Sharḥ 'Ilal al-Tirmidhī

5.	Fahd bin ‘Abd al-‘Azīz al-‘Ammār	-	Ma‘rifah al-Ruwāh al-Mukaththirīn wa Athbat Ashābihim
6.	Muḥammad al-Turkī	-	Ma‘rifah Ashāb Shu‘bah
7.	Muḥammad al-Turkī	-	Ma‘rifah Ashāb al-‘Mash
8.	‘Abd al-Salām Abū Samḥah	-	Ma‘rifah Ashābal-Ruwāh wa Atharuhā fī al-Ta‘līl
9.	Wā‘il Radmān	-	Ma‘nā al-Ṭabaqah fī ‘Ilal wa Marārib al-Riwāyah wa Ṭabaqāt al-Ruwāh ‘an al-Imām Sufyān al-Thawrī

Rujukan: (Hātim al-‘Awnī, 2018)

Akhir sekali bagi perbincangan perawi *mudallis*, Hātim al-Awnī menetapkan beberapa langkah utama dalam menyelesaikannya. Rujuk rajah di bawah:

Rajah 10: Panduan Penyelesaian Isu *Tadlis*



Dalam menilai riwayat perawi *mudallis*, Hātim al-‘Awnī telah menetapkan dua *qarīnah* utama untuk menentukan sama ada sesuatu *tadlis* berlaku atau tidak. *Qarīnah* pertama adalah ketiadaan unsur permasalahan (*nakārah*) dalam hadith yang sedang dikaji. Jika hadith tersebut bebas daripada sebarang kecacatan yang jelas, sama ada dari segi sanad atau matannya, maka ini memberi isyarat bahawa hadith tersebut berkemungkinan bersambung. Kehadiran unsur-unsur yang meragukan dalam hadith sering kali menjadi isyarat bahawa hadith tersebut mungkin telah melalui *tadlis*, di mana perawi menyembunyikan perantaraan atau kelemahan dalam sanad.

Qarīnah kedua yang perlu dipertimbangkan ialah salah satu daripada ciri-ciri perawi *mudallis* yang diteliti, seperti yang dijelaskan dalam rajah. Ciri-ciri ini membantu menilai sama

ada perawi benar-benar melakukan *tadlis* dalam riwayat tertentu atau tidak. Antaranya ialah perawi yang bukan asalnya seorang *mudallis*—iaitu perawi yang jarang atau tidak pernah melakukan *tadlis*—boleh dipercayai riwayatnya kerana tiada rekod buruk dalam *tadlis*. Selain itu, sekiranya seorang perawi dikenali sebagai *mudallis*, tetapi *tadlis* yang dilakukan hanya sedikit dan tidak kerap, ini juga boleh dijadikan alasan untuk menerima hadith tersebut sebagai bersambung.

Lebih penting lagi, *qarīnah* yang menguatkan tidak berlaku *tadlis* adalah apabila seorang *mudallis* meriwayatkan daripada guru yang telah lama menjadi sumber riwayatannya (*mulāzamah*). Dalam hal ini, walaupun perawi dikenal pasti sebagai seorang *mudallis*, hubungan yang rapat dengan gurunya menjadikan kemungkinan *samāʿ* lebih kuat, terutama apabila mereka sering bersama dalam tempoh yang lama. Di samping itu, penggunaan lafaz yang jelas menunjukkan periwayatan langsung, seperti *haddathanā* atau *akhbaranā* (lafaz *al-tasrīh bi al-samāʿ*), merupakan bukti kuat bahawa *samāʿ* berlaku, walaupun perawi tersebut dikenali sering melakukan *tadlis*.

Secara keseluruhannya, jika hadith yang sedang dikaji memenuhi kedua-dua *qarīnah* ini—tiada unsur permasalahan dalam hadith dan salah satu ciri perawi *mudallis* terpakai—maka riwayat hadith boleh diterima sebagai bersambung. Sebaliknya, jika salah satu atau kedua-dua *qarīnah* tidak dipenuhi, hadith tersebut akan dianggap tidak bersambung dan riwayatnya perlu ditolak. Pendekatan ini menunjukkan betapa pentingnya penelitian terperinci dalam menilai periwayatan perawi *mudallis* untuk memastikan kesahihan sesuatu riwayat dalam ilmu hadith.

Kajian telah menjalankan analisis terhadap penggunaan *qarāʿin* oleh Hātim al-Awnī dalam ketiga-tiga topik perbincangan seterusnya menjawab persoalan penyelidikan ini.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menganalisis secara mendalam tiga isu utama dalam ilmu hadith yang melibatkan penggunaan *qarāʿin* dalam penyabit *samāʿ*, identifikasi perawi *muhmal*, dan penilaian terhadap perawi *mudallis*. Pendekatan yang diperkenalkan oleh Hātim al-Awnī melalui penggunaan *qarāʿin al-tarjīh* telah memberikan panduan yang komprehensif dalam menilai keabsahan riwayat hadith dan memastikan kebersambungan sanad.

Dalam isu *samāʿ*, penggunaan *qarāʿin* seperti *al-Muʿāṣarah* (kehidupan sezaman) dan *Ittihād al-Balad* (kesamaan tempat tinggal) memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada seorang perawi benar-benar mendengar hadith daripada gurunya. Bagi perawi *muhmal*, *qarāʿin* digunakan untuk mengatasi kekeliruan dalam menentukan identiti perawi yang tidak jelas, dengan meneliti riwayat yang paling banyak atau paling relevan daripada guru yang sama. Sementara itu, dalam menilai perawi *mudallis*, penekanan diberikan kepada penggunaan *qarāʿin* untuk menentukan sama ada *tadlis* benar-benar berlaku dalam sesebuah riwayat, dengan mempertimbangkan unsur-unsur seperti lafaz *al-tasrīh bi al-samāʿ* dan hubungan antara perawi dengan gurunya.

Secara keseluruhannya, pendekatan Hātim al-Awnī terhadap *qarāʿin al-tarjīh* menawarkan solusi yang sistematik dan berasaskan bukti dalam menilai perawi dan

memastikan integriti sanad hadith. Kajian ini bukan sahaja memperkukuhkan metodologi penilaian hadith tetapi juga menyediakan kerangka rujukan bagi sarjana hadith kontemporari dalam menilai keabsahan riwayat berdasarkan *qarā'in*. Cadangan untuk kajian lanjut melibatkan penerapan konsep ini dalam konteks yang lebih luas, terutamanya dalam perbandingan antara pandangan tokoh aliran kritik hadith yang lain serta aplikasi *al-qarā'in* di sisi tokoh *mutaqaddimīn* bagi memperkaya lagi kefahaman terhadap kritikan hadith.

RUJUKAN

- Abd Aziz, & Terza Travelancya, D. P. (2021). Tahammul wa al-Adā' dalam periwayatan hadith. Bahtsuna: *Jurnal Penelitian Pendidikan Islam*, 3(2), 185-199. <https://doi.org/10.55210/bahtsuna.v3i2.64>
- Abdullah Muhammad Hasan. (2012). *Al-Qarā'in wa atharuhā fi 'Ilmi al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah.
- Ahmad Muhdhor. (2017). Reasoning of Takfirism assumption: Review of critical views of Hatim Al-Awni. *Jurnal ICMES*, 1(2).
- Aḥmad Mukhtār 'Umar. (2008). *Mu'jam al-lughah al-'Arabiyyah al-mu'āṣirah*. Kaherah: 'Ālam al-Kutub.
- Al-'Irāqī. (2007). *Alfiyah al-'Irāqī al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah fi 'Ulūm al-Ḥadīth* ('Abd al-Karīm al-Khuḍayr, Ed.). Al-Riyād: Maktabah Dār al-Minhāj li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Al-Haitham, M. (2021). *Qarā'in al-tarjīh bayna aqwāl al-jarh wa al-ta'dīl al-muta'āridah 'inda Ibn Addī fi kitābihi al-Kāmil* [Master's thesis, Universiti Tayyibah].
- Al-Ḥakīm al-Naysābūrī. (2003). *Ma'rifah 'ulūm al-ḥadīth*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī. (1979). *Al-Kifāyah fi 'Ilm al-riwāyah*. Madinah: Al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawāwī. (1985). *Al-Taqrīb wa al-Taysīr* (Muḥammad 'Uthmān al-Khasht, Ed.). Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Al-Qāḍī 'Iyād. (1970). *Al-Ilmā' ilā ma'rifah uṣūl al-riwāyah wa taqyīd al-samā'* (Al-Sayyid Aḥmad Ṣaqr, Ed.). Kaherah: Dār al-Turāth.
- Al-Qurtubī. (2006). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* (Abdullah bin Abd Muhsin, Ed.). Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Sakhāwī. (2003). *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfiyah al-Ḥadīth* ('Alī Husayn 'Alī, Ed.). Mesir: Maktabah Al-Sunnah.
- Al-Suyūṭī. (2016). *Tadrīb al-rāwī fi sharḥ taqrīb al-Nawāwī* (Muḥammad 'Awwāmah, Ed.). Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Al-Zahabi. (1992). *Al-Mūqizah fi 'Ilm muṣṭalah al-ḥadīth* (Abū Fattah Abū Ghuddah, Ed.). Beirut: Maktabah al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah bi Halab.
- Ayyub al-Husainī. (2009). *Al-Kulliyāt Mu'jam fi al-mustalahāt wa al-furūq al-lughawiyah* ('Adnān Darwisy, Ed.). Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Dzul Dzulraidi. (2023). *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi*. Terengganu: Paddi Resources.
- Dzulfaidhi et al. (2025). Konsep dan bentuk qarā'in al-tarjīh dalam pensabitan samā': Kajian terhadap Muqarrar al-takhrīj karya Ḥatim al-'Awnī. *Jurnal Jiftah*, 3(1).
- Fārūq Ḥamādah. (2007). *Taṭawwur dirāsāt al-sunnah al-nabawiyyah: Nahdatuhā al-mu'āṣirah wa āfāquha, madkhal li dirāsāt al-sunnah al-nabawiyyah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Hanān Qamāri. (2016). *Ta'arud qarā'in al-tarjih wa dawābit daf'ihā 'inda al-imām Ibn Abi Ḥatim min khilāl kitābihi al-'Ilal* [Master's thesis, Echahid Hama Lakhdar University].

- Hātim al-Awnī. (2018). *Muqarrar al-takhrīj wa manhaj al-hukm ‘alā al-ḥadīth*. Beirut: Markaz Namā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt.
- Ibn al-Ṣalāḥ. (1986). *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ – Ma ‘rifah anwā’ ‘ulūm al-ḥadīth* (Nūr al-Dīn ‘Itr, Ed.). Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Ibn Fāris. (1979). *Mu ‘jam Māqayis al-lughah* (Abdul Salam Harun, Ed.). Kaherah: Dār al-Fikr.
- Ibrāhīm ‘Abd Allāh al-Lāḥim. (2005). *Al-Ittiṣāl wa al-Inqīṭā’*. Al-Riyād: Maktabah al-Rushd.
- Ibrāhīm Ḥilmī al-Ghawrī. (2007). *Aṭlas al-waṭan al- ‘arabī wa al- ‘ālam*. Beirut: Dār al-Sharq al- ‘Arabī.
- Ismail bin Ahmad. (1987). *Al-Sihāh Tāj al-lughah wa sihāh al- ‘arabiyah* (Ahmad Abd al-Ghafur, Ed.). Beirut: Dār al- ‘Ilm.
- Khoirul Huda, M., & Fadil, M. R. (2023). Rasionalisasi kritik hadis klasik: Kontribusi Syarif Hātim al- ‘Aunī dalam kajian hadis kontemporer. *Al-Bukhari: Jurnal Ilmu Hadis*, 6(1), 119-144. <https://journal.iainlangsa.ac.id/index.php/bukhari/article/view/6175>
- Maḥmūd Sa’id Mamdūḥ. (2009). *Al-Ittijāhāt al-ḥadīthiyyah fī al-qarn al-rābī ‘ ‘ashar*. Kaherah: Dār al-Baṣā’ir.
- Majdi ‘Atiyyah. (2005). *Al-Ilmā’ fī itbāth al-samā’*. Mesir: Maktabah Ibn ‘Abbās.
- Masyaqbah, A. R. M. (2021). Athar al-qarāin fī ikhtilāf al-nuqqād fī tarjīḥ bayna al-riwāyāt wa i’lālīhā. *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah*, 18(2).
- Mohd Awang Idris, Muhamad, H., & Ibrahim, R. Z. A. R. (2018). *Metodologi penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Nor Adli Osman, & Muhammad Rozaim Ramle. (2018). Tadlis di sisi Muhammad Ibn Hibban (W. 354 H.): Satu kajian perbandingan. *Jurnal Hadis*, 8(15).
- Muhammad Bin ‘Alawi. (2003). *Al-Qawā’id al-Asāsiyah fī Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*. Kaherah: Dār al-Hāwī.
- Nāsir al-Fahd. (2005). *Manhaj al-mutaqaddimīn fī al-tadlīs*. Saudi: Adwā’ al-Salaf.
- Naurah Didān. (n.d.). *Qarāin al-tarjīḥ allatī wāzana bihā al-Hāfidh al-Mizzzi ‘inda al-ikhtilāf bi ziyādah rāwi au isqātihi min al-isnād min khilālī kitābihi Tahzīb al-Kamāl* [PhD thesis, Universiti Qāsim].
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Irsyad al-hadith siri ke-347: *Martabat al-jarh wa al-ta’dil*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/3156-irsyad-al-hadith-siri-ke-347-martabat-al-jarh-wa-al-ta-dil>
- Razavian, C. P. (2021). *Post-Salafism: Salman Al-Ouda and Hatim Al-Awni*. London: Cambridge University Press.
- Sāmīr al-Kabīsī. (2021). Athar al-qarāin fī al-tarjīḥ bi al-jazm bi al-samā’ al-mubāsyir wa al-tahdīth bihi mirāran. *Majallah al-Muhaddith al- ‘Irāqiyah*, 3(1).
- Umar Muhammad Noor. (2017). Metode kritik hadith aliran Salafi dan Sufi moden: Satu analisis perbandingan. *International Conference on Arabic and Islamic Studies*.
- Umar Muhammad Noor. (2022). *Aliran kritik hadis semasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.